

# **NOVEL ZON 1 PERLIS, KEDAH, PULAU PINANG DAN PERAK**

## **NOVEL TINGKATAN 3 - JUSTERU IMPIAN DI JARING (Zaid Akhtar)**

### **TEMA**

Novel ini ialah kegigihan pemain badminton untuk menjuarai pertandingan di pentas antarabangsa. Hal ini dibuktikan oleh Syahir yang berlatih bersungguh-sungguh untuk memenangi pertandingan badminton Terbuka Johor. Walaupun Syahir gagal dalam pertandingan tersebut namun dia dapat menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa bagi menggantikan tempat Gopinath yang terlibat dalam kemalangan. Walaupun tidak mendapat sokongan daripada penonton tempatan, dia tetap gigih berusaha untuk menewaskan Andri Mirnawan. Akhirnya dia berjaya menewaskan pemain perseorangan dari Indonesia itu, 21-16 dan 21-19, lalu dirinya ditabalkan sebagai Juara Kejohanan Badminton Antarabangsa.

### **WATAK DAN PERWATAKAN**

#### **Watak Utama**

##### **Saya (Syahir)**

1. Anak bongsu (hal.13)
2. Seorang ahli sukan
3. Seorang yang mementingkan syariat
  - digelar ustaz – Contoh : Panggilan "Ustaz" sudah lali dengan saya. (hal.26)
4. Seorang yang gemar membaca atau menonton televisyen ketika makan (hal.10)
5. Seorang yang pandai menjaga hati ibu – Contoh : Meskipun agak kenyang, demi menjaga hati emak yang bersungguh-sungguh memasak, sepotong ikan patin yang dimasak lemak cili api saya ratah (hal.12)
6. Seorang yang berpegang kepada janji/wasiat – Contoh : Dia mau semua anaknya berjaya, berijazah, dan berilmu. Peringatan itu sering diulang oleh emak yang setia menjadi penyambung lidah abah... Tidak pernah saya ghaflah akan wasiat arwah abah yang satu ini. Kekal saya genggam hingga kini. (hal.14)
7. Seseorang yang mementingkan ilmu – Contoh : Jadual latihan yang terlalu ketat dan sering bertindan dengan tuntutan pengajian memaksa saya memilih salah satu buat masa ini tetapi untuk berhenti belajar terus, tidak sekali-kali. (hal.15) Menuntut ilmu itu kan wajib. (hal.36)
8. Seorang yang berhati waja/ Seorang yang teguh pendirian – contoh : Alasan abah, sukan mengganggu pelajaran, tetapi hati saya tetap waja. Pendirian saya tetap teguh. (hal.18)
9. Pernah bergelar juara remaja kebangsaan ketika berusia 16 tahun. (hal.18)
10. Seorang yang bersyukur- Contoh: Syukur. Kini wasiat abah masih saya pelihara. (hal.19)
11. Seorang pemain muslim yang menutup aurat di gelanggang pada peringkat antarabangsa. (hal.19)
12. Seorang yang suka membaca - Contoh: Kesibukan yang menghambat diri akhir-akhir ini menyebabkan rutin membaca saya terganggu. (hal.30)
13. Seorang yang mudah simpati - Contoh: Hati saya hiba menyaksikan nasib umat Islam yang diganyang musuh di tanah tumpah darah sendiri. Simpati saya merembes. (hal.32)

14. Seorang yang berlatarbelakangkan keluarga yang memang kuat beragama - Contoh: Bapa saya seorang ustaz. Kedua-dua abang saya juga ustaz. (hal.35)
15. Seorang yang sangat menghormati orang lain- Contoh: Hingga kini saya kekal menghormatinya sebagai abang. (hal.49)
16. Seorang yang taat akan perintah Tuhan- Contoh: Rasanya gelaran itu berkait rapat dengan cara saya berpakaian ketika beraksi di gelanggang. Mungkin juga tegal saya sangat menjaga waktu solat ketika latihan atau pertandingan. (hal.36)
17. Seorang yang mempunyai beberapa kelebihan yang dicemburui kawan dan lawan. (hal.47)
18. Seorang yang mempunyai kesungguhan- Contoh: "Kesungguhan Abang Syahir dalam mempertahankan prinsip." (hal.57)
19. Seorang yang tegas- Contoh: u...Naj tabik dengan ketegasan abang untuk berpakaian menutup aurat ketika bermain." (hal.57)

## **Watak Sampingan**

### **1. Haji Marzuki**

- § Jurulatih berpengalaman, berwibawa dan bertaraf dunia (hal.7)
- § Seorang yang pandai membaca gerak hati .(hal.21)
- § Seorang yang penyabar (hal.25)
- § Bekas juara terbuka Malaysia sebanyak tiga kali, (hal.45)
- § Bekas naib juara dunia dua kali.(hal.47)
- § Seorang yang suka memberi nasihat dan motivasi. (hal.46)
- § Seorang yang penyabar.(hal.46)
- § Seorang yang baik hati. (hal.47)
- § Seorang yang berkeyakinan tinggi. (hal.47)

### **2. Kak Uda Syarizah**

- § Kakak kepada Syahir (saya)
- § Pegawai perubatan di Hospital Kebangsaan Malaysia (hal.12)
- § Seorang yang mengambil berat -Contoh: Kak Udalah yang paling banyak mengambil berat tentang saya.(hal.13)
- § Seorang yang sangat memahami - Contoh: Kak Uda seperti biasa menyokong saya.
- § Memang kakak yang cukup memahami.(hal.15)

### **3. Engku Aiman**

- § Ketua jurulatih
- § Berusia pertengahan empat puluhan (hal.4)
- § Seorang yang suka menyindir
- § Seorang yang tegas

### **4. Wan Najlah**

- § Adik Wan Najhan
- § Seorang gadis yang tinggi lampai (hal.36)
- § Pemain muda perseorangan badminton wanita
- § Seorang yang periang dan ada harinya pendiam. (hal.26)

- § Seorang yang gemar mengusik jika berada di sisi abangnya (hal.26)
- § Seorang yang tidak tahan diusik (hal.28)
- § Seorang yang agak emosional (hal 55)

## PERSOALAN

### 1. Persoalan berkaitan dengan dunia permainan badminton

- contohnya Syahir dan teman-temannya banyak menghabiskan masa di tempat latihan untuk mempersiapkan diri menyertai Terbuka Johor dan Kejohanan Badminton Antarabangsa. Mereka berlatih bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam kejohanan yang disertai.

### 2. Perasaan kasih sayang terhadap ibu kandung

- contohnya Syahir amat menyayangi emaknya. Ketika dia ada kelapangan, dia akan pulang ke rumah untuk menemui emaknya yang terletak di Bandar Baru Bangi. Syahir juga berasa amat risau apabila mengenangkan emaknya yang demam sewaktu dia menyertai Terbuka Johor. Begitu juga sebelum ke Jakarta untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa, dia mengunjungi emaknya yang menghidap strok di Hospital Universiti. Seterusnya, Syahir juga sentiasa menghubungi Kak Uda untuk mengetahui keadaan kesihatan emaknya sewaktu di Jakarta. Apabila pulang dari Jakarta, dia segera bertemu emaknya yang masih berada di hospital.

### 3. Perasaan hormat terhadap orang yang lebih berpengalaman

- contohnya Syahir amat menghormati jurulatihnya Haji Marzuki. Haji Marzuki menegur kelemahan Syahir yang banyak bermain mengikut mood, lalu memintanya mengawal emosi ketika berada di gelanggang. Syahir menerima teguran dan motivasi daripada Haji Marzuki kerana dia amat menghormati pengalaman yang dimiliki oleh jurulatihnya itu.

### 4. Perasaan patriotisme terhadap negara

- contohnya Syahir berasa serba salah untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta apabila mendapati emaknya diserang strok. Dalam keadaan serba salah dan memikirkan di bahunya ada tanggungjawab terhadap negara, akhirnya dia ke Jakarta. Namun, dia sentiasa menghubungi kakaknya untuk mengetahui keadaan emaknya.

## LATAR TEMPAT

### 1. Stadium Istora Senayan

- tempat pertandingan Kejohanan Badminton Antarabangsa. Di tempat itulah Syahir bermain bersungguh-sungguh menewaskan Andri Mirnawan, seterusnya dinobatkan sebagai juara Kejohanan Badminton Antarabangsa.

2. Johor Bahru
  - tempat berlangsungnya Terbuka Johor untuk menentukan kelayakan pemain sebelum menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa.
3. Bandar Baru Bangi
  - Tempat keluarga Syahir tinggal. Syahir selalu pulang untuk menjenguk keadaan ibunya yang tidak beberapa sihat.

## LATAR MASYARAKAT

1. Masyarakat pemain badminton
2. Masyarakat yang tabah
3. Masyarakat yang bersemangat kental
4. Masyarakat yang bersungguh-sungguh
5. Masyarakat yang berkeyakinan tinggi
6. Masyarakat yang tegas dalam mempertahankan prinsip
7. Masyarakat yang menyayangi
8. Masyarakat yang insaf
9. Masyarakat yang hormat-menghormati
10. Masyarakat yang bersatu padu
11. Masyarakat yang bertanggungjawab

## NILAI MURNI

1. kasih sayang
  - contohnya Syahir amat menyayangi emaknya. Ketika dia ada kelapangan, dia akan pulang ke rumah untuk menemui emaknya yang terletak di Bandar Baru Bangi. Syahir juga berasa amat risau apabila mengenangkan emaknya yang demani sewaktu dia menyertai Terbuka Johor. Begitu juga sebelum ke Jakarta untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa, dia mengunjungi emaknya yang menghidap strok di Hospital Universiti. Seterusnya, Syahir juga sentiasa menghubungi Kak Uda untuk mengetahui keadaan kesihatan emaknya sewaktu di Jakarta. Apabila pulang dari Jakarta, dia segera bertemu emaknya yang masih berada di hospital.
2. Hormat-menghormati
  - contohnya Syahir amat menghormati jurulatihnya Haji Marzuki. Haji Marzuki menegur kelemahan Syahir yang banyak bermain mengikut mood, lalu memintanya mengawal emosi ketika berada di gelanggang. Syahir menerima teguran dan motivasi daripada Haji Marzuki kerana dia amat menghormati pengalaman yang dimiliki oteh jurulatihnya itu.
3. Kerajinan
  - contohnya Syahir berlatih bersungguh-sungguh agar berjaya dalam pertandingan Terbuka Johor. Setelah gagal merebut kejuaraan, dia tetap berlatih seperti biasa kerana muhu mengekalkan staminanya untuk menghadapi kejohanan seterusnya.
4. Patriotisme
  - contohnya Syahir berasa serba salah untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta apabila mendapati emaknya diserang strok. Dalam keadaan serba salah dan memikirkan di bahunya tanggungjawab terhadap negara,

akhirnya dia ke Jakarta. Namun, dia sentiasa menghubungi kakaknya untuk mengetahui keadaan emaknya.

## 5. Keberanian

- contohnya Syahir yang gagal memenangi sebarang pingat dalam Terbuka Johor menyebabkannya gagal untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa, namun dia mempunyai keberanian menyahut cabaran menyertai kejohanan tersebut pada saat akhir apabila Gopinath terlibat dalam kemalangan jalan raya.

## PENGAJARAN

### 1. Kita perlu mempunyai perasaan kasih sayang terhadap ibu kandung.

- Contohnya Syahir amat menyayangi emaknya. Ketika dia ada kelapangan, dia akan pulang ke rumah untuk menemui emaknya yang terletak di Bandar Baru Bangi. Syahir juga berasa amat risau apabila mengenangkan emaknya yang demam sewaktu dia menyertai Terbuka Johor. Begitu juga sebelum ke Jakarta untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa, dia mengunjungi emaknya yang menghidap strok di Hospital Universiti. Seterusnya, Syahir juga sentiasa menghubungi Kak Uda untuk mengetahui keadaan kesihatan emaknya sewaktu di Jakarta. Apabila pulang dari Jakarta, dia segera bertemu emaknya yang masih berada di hospital.

### 2. Kita hendaklah memiliki perasaan hormat terhadap orang yang lebih berpengalaman.

- Contohnya Syahir amat menghormati jurulatihnya Haji Marzuki. Haji Marzuki menegur kelemahan Syahir yang banyak bermain mengikut mood, lalu memintanya mengawal emosi ketika berada di gelanggang. Syahir menerima teguran dan motivasi daripada Haji Marzuki kerana dia amat menghormati pengalaman yang dimiliki oleh jurulatihnya itu.

### 3. Kita mestilah bersikap rajin untuk meningkatkan prestasi.

- Contohnya Syahir berlatih bersungguh-sungguh agar berjaya dalam pertandingan di Terbuka Johor. Setelah gagal merebut kejuaraan, dia tetap berlatih seperti biasa kerana mahu mengekalkan staminanya untuk menghadapi kejohanan seterusnya.

### 4. Kita sewajarnya mempunyai perasaan patriotisme terhadap negara.

- contohnya Syahir berasa serba salah untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta apabila mendapati emaknya diserang strok. Dalam keadaan serba salah dan memikirkan di bahunya ada tanggungjawab terhadap negara, akhirnya dia ke Jakarta. Namun, dia sentiasa menghubungi kakaknya untuk mengetahui keadaan emaknya.

### 5. Kita seharusnya mempunyai keberanian menghadapi cabaran.

- contohnya Syahir yang gagal memenangi sebarang pingat dalam Terbuka Johor menyebabkannya gagal untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa, namun dia mempunyai keberanian menyahut cabaran menyertai kejohanan tersebut pada saat akhir apabila Gopinath terlibat dalam kemalangan jalan raya.

### TEMA

Novel ini membawa tema kegigihan seorang pemuda dalam membina kecemerlangan kerjaya masa depannya dengan cara berdikari. Buktinya, Laiman yang berkelulusan ijazah kejuruteraan enggan bekerja makan gaji, sebaliknya dia memilih untuk bekerja sendiri dengan mengusahakan ladang tembakai di kampungnya. Laiman turut mengusahakan kolam ikan air tawar, udang harimau, bermiaga kedai makan dan menjadi peraih hasil pertanian di kampungnya. Berkat usaha gigih Laiman, akhirnya dia berjaya dalam bidang yang diceburinya dan mendapat pengiktirafan daripada pihak kerajaan.

### WATAK DAN PERWATAKAN

#### Watak utama:

**Laiman** (pelajar kejuruteraan yang sedang menjalani latihan industri)

Tegas diri / jati diri: Laiman berpegang kepada prinsip untuk tidak tergesa-gesa menerima sesuatu tawaran pekerjaan

#### Watak sampingan:

Sukri, penyelia latihan industri dan rakan Laiman

Peramah: Sukri cepat mesra walaupun dia penyelia kepada Laiman, mahasiswa kejuruteraan yang sedang menjalani latihan industri

#### Watak imbas kembali:

Chow Chin (pelajar senior Laiman di universiti, kini usahawan berjaya)

Berdikari: Chow Chin berusaha sendiri untuk membina empayar perniagaan dengan berjimat cermat dan tidak membangga diri.

### PERSOALAN

1. Ketabahan menghadapi dugaan hidup
  - Contohnya Laiman tabah menghadapi segala rintangan terutama daripada keluarganya yang tidak bersetuju dengan keputusan untuk bekerja sendiri.
2. Keberanian menceburi bidang pertanian yang berisiko tinggi
  - Contohnya Laiman berani menolak tawaran bekerja di jabatan kerajaan sebaliknya mengambil keputusan untuk mengusahakan ladang tembakai dan menternak ikan air tawar serta udang harimau.
3. Pengorbanan demi kejayaan ahli keluarga
  - Contohnya abang dan nenek Laiman telah mengorbankan wang ringgit demi membiayai pengajian Laiman di universiti.
4. Semangat setia kawan
  - Contohnya Milan yang merupakan kawan dan sepupu kepada Laiman sentiasa menyokong usaha Laiman untuk menjayakan projek pertanian walaupun mendapat tantangan daripada keluarganya sendiri.

5. Semangat cinta akan negara
  - Contohnya Laiman sentiasa menyokong dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat dengan memilih untuk berdikari dan bekerja sendiri.
6. Keyakinan terhadap usaha yang dijalankan
  - Contohnya Laiman yakin usahanya menjadi petani moden akan membawa kejayaan walaupun pada peringkat awal ayahnya menentang sikapnya yang menolak tawaran kerja di Jabatan Pertanian, namun akhirnya dia berjaya menjadi petani moden sehingga kejayaannya diiktiraf oleh pihak kerajaan.
7. Sikap dengki lahir kerana perasaan cemburu
  - contohnya Laiman yang begitu akrab dengan Soniah telah menimbul perasaan cemburu di hati Muluk. Hal ini demikian kerana Muluk menaruh hati terhadap Soniah, namun Soniah tidak melayannya. Kes kebakaran loji minyak di Miri pada anggapan Laiman ialah hasil perbuatan Muluk.

## LATAR TEMPAT

1. Bandar Miri
  - contohnya Laiman dan Soniah menghabiskan cuti hujung minggu dengan bersiar-siar di bandar Miri. Mereka berbincang tentang rancangan masa depan Soniah yang ingin melanjutkan pelajaran dalam jurusan kejuruteraan.
2. Rumah Pak Sahok
  - contohnya Laiman ke rumah Pak Sahok untuk memujuknya agar mengizinkan dia menggunakan tanah rizab yang bercantum dengan tanah Pak Sahok untuk tujuan menternak ikan.
3. Tangki minyak nombor 12 milik syarikat Shell
  - contohnya tangki minyak yang rosak itu dibaiki oleh Laiman dengan sempurna tetapi telah terbakar menyebabkan Laiman berasa hairan.
4. Restoran di Miri
  - contohnya Laiman makan bersama-sama Soniah di sebuah restoran. Ketika makan, Soniah meluahkan hajatnya ingin melanjutkan pelajarannya ke universiti dalam bidang kejuruteraan, sama seperti Laiman.
5. Kebun tembakai
  - contohnya tempat Laiman dan Milan mengusahakan ladang seluas 15 ekar dan mereka berasa bangga apabila usaha yang dilakukan sejak dua bulan lalu telah mengeluarkan hasil.
6. Gerai Pitas
  - contohnya Laiman dan Milan bermiaga kuih yang dipajaknya daripada orang-orang kampung untuk mengisi masa yang terluang dan mahu mencari duit sebanyak mungkin.
7. Kampung Kusilad
  - contohnya Kampung Kusilad merupakan tempat tinggal Laiman dan tempat dia melakukan aktiviti pertanian dan perikanan sehingga berjaya menjadi usahawan tani.
8. Universiti Kebangsaan Malaysia
  - contohnya tempat Soniah belajar sehingga tamat pengajiannya dalam bidang kejuruteraan.

## LATAR MASYARAKAT

1. Masyarakat mahasiswa: Sukri, pelajar tahun tiga fakulti kejuruteraan (Unimas)
2. Masyarakat yang tegas diri: Laiman berpegang kepada prinsip untuk tidak tergesa-gesa menerima sesuatu tawaran pekerjaan
3. Masyarakat yang peramah: Sukri cepat mesra walaupun dia penyelia kepada Laiman, mahasiswa kejuruteraan yang sedang menjalani latihan industri
4. Masyarakat yang berdikari: Chow Chin berusaha sendiri untuk membina empayar perniagaan dengan berjimat cermat dan tidak membangga diri.

## NILAI MURNI

1. Keberanian
  - contohnya Laiman berani menjadi petani moden kerana berkeyakinan usahanya akan membawa kejayaan walaupun pada peringkat awal ditentang oleh ayahnya kerana menolak tawaran bekerja di Jabatan Pertanian.
2. Patriotisme
  - contohnya Laiman sentiasa menyokong dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat dengan memilih untuk berdikari dan bekerja sendiri.
3. Berdikari
  - contohnya Laiman sanggup bekerja sendiri sebagai petani dengan mengusahakan tanaman tembakai, menternak ikan air tawar, dan pelbagai lagi perniagaan walaupun dia boleh memilih bekerja makan gaji di Jabatan Pertanian.
4. Kasih sayang
  - contohnya Pak Kiassim amat menyayangi anaknya menyebabkan dia meleteri sikap Laiman yang menolak pekerjaan sebagai pegawai di Jabatan Pertanian. Namun, dia akur akan kebolehan anaknya apabila melihat tanaman tembakai mengeluarkan hasil lalu memujuk Pak Sahok untuk memastikan tanah rizab yang bercantum dengan tanah lelaki itu boleh diusahakan oleh anaknya untuk penternakan ikan air tawar.
5. Kesyukuran
  - contohnya Laiman bersyukur kerana projek ikan air tawar yang diusahakannya telah membawa hasil dan kerajaan menghargai usaha yang dijalankan dengan menjadikan sebagai projek contoh di daerah mereka. Kemungkinan projek tersebut akan dibesarkan dengan bantuan daripada Jabatan Pertanian sebagai projek yang terbesar di Sabah.

## PENGAJARAN

1. Kita perlu memiliki sikap berani untuk mengubah nasib
  - contohnya Laiman berani menjadi petani moden kerana berkeyakinan usahanya akan membawa kejayaan walaupun pada peringkat awal ditentang oleh ayahnya kerana menolak tawaran bekerja di Jabatan Pertanian.
2. Kita hendaklah memiliki jiwa patriotism
  - contohnya Laiman sentiasa menyokong dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat dengan memilih untuk berdikari dan bekerja sendiri.

3. Kita haruslah sanggup berdikari untuk memperoleh pendapatan yang lebih lumayan
  - contohnya Laiman sanggup bekerja sendiri sebagai petani dengan mengusahakan tanaman tembakai, menternak ikan air tawar, dan pelbagai lagi perniagaan walaupun dia boleh memilih bekerja makan gaji di Jabatan Pertanian.
4. Kita mestilah memiliki perasaan kasih sayang terhadap darah daging sendiri
  - contohnya Pak Kiassim amat menyayangi anaknya menyebabkan dia meleteri sikap Laiman yang menolak pekerjaan sebagai pegawai di Jabatan Pertanian. Namun, dia akur akan kebolehan anaknya apabila melihat tanaman tembakai telah mengeluarkan hasil lalu memujuk Pak Sahok untuk memastikan tanah rizab yang bercantum dengan tanah lelaki itu boleh diusahakan oleh anaknya untuk penternakan ikan air tawar.
5. Kita sewajarnya bersyukur terhadap rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT
  - contohnya Laiman bersyukur kerana projek ikan air tawar yang diusahakannya telah membawa hasil dan kerajaan menghargai usaha yang dijalankan dengan menjadikan sebagai projek contoh di daerah mereka. Kemungkinan projek tersebut akan dibesarkan dengan bantuan daripada Jabatan Pertanian sebagai projek yang terbesar di Sabah.

## NOVEL TINGKATAN 1 - PELARI MUDA (Ghazali Ngah Azia)

### TEMA

Tema novel ini ialah kesombongan seorang remaja apabila mendapat sanjungan daripada media menyebabkannya tidak lagi berdisiplin dalam latihan. Hal ini dibuktikan menerusi watak utama, Kamarul yang meraih kejayaan cemerlang dalam sukan MSSM dan seterusnya terpilih dalam Sukan SEA di Brunei. Media banyak memaparkan kehebatan Kamarul menyebabkan dia menjadi sompong dan tidak mahu berlatih lagi di bawah kelolaan Encik Kadir. Hubungan dengan rakannya, Saridah juga renggang gara-gara sikapnya yang angkuh. Namun, dia akhirnya insaf apabila prestasinya menurun dan rakan pelatihnya, Sures berjaya mengalahnya dalam sesi kecerdasan.

### WATAK DAN PERWATAKAN

#### Kamarul Baharuddin

- (a) Kamarul Baharuddin ialah watak utama dalam novel ini.
- (b) Berusia 17 tahun.
- (c) Seorang pelari pecut, mewakili negara Malaysia.
- (d) Kamarul berkawan rapat dengan Saridah. Mereka mula berkawan rapat semasa sukan MSSM.
- (e) Seorang yang angkuh dan sompong kerana kejayaan dan kepopularannya.
- (f) Seorang yang tidak berdisiplin.
- (g) Belajar dalam Tingkatan 5 Sastera 1 dan akan menduduki peperiksaan SPM pada hujung tahun.
- (h) Tidak mengenang budi – Kamarul enggan berlatih bawah bimbingan Encik Kadir kerana telah bosan.
- (i) Buruk sangka – Encik Kadir sengaja mendendanya berlari lapan kali pusing keliling padang untuk membalias dendam.

- (j) Insaf akan kesalahannya – Kamarul menyesal bersikap kurang ajar dengan Encik Kadir dan bersikap sombang dengan kawan-kawan sekolah setelah dia dilanggar kereta.

### **Saridah**

- (a) Saridah ialah kawan baik Kamarul.
- (b) Berusia 17 tahun.
- (c) Seorang pelari pecut.
- (d) Berkawan baik dengan Kamarul dan Juriah.
- (e) Menyukai Kamarul dan amat mengambil berat tentang Kamarul. Seorang yang bersopan santun.
- (f) Seorang yang peramah dengan orang tua.
- (g) Belajar dalam Tingkatan 5 Sastera 1 dan akan menduduki peperiksaan SPM pada hujung tahun.

### **Mak Jah**

- (a) Ibu kepada kamarul dan isteri kepada Encik Baharudin.
- (b) Seorang ahli perniagaan yang berjaya.
- (c) Penyayang – Menyayangi Saridah kerana dia tidak mempunyai anak perempuan.
- (d) Prihatin – Menasihati Kamarul supaya berbaik-baik dengan Saridah.

### **Sures Menon**

- (a) Sures ialah ahli sepasukan dengan Kamarul.
- (b) Berusia 17 tahun.
- (c) Seorang pelari pecut, mewakili negara Malaysia.
- (d) Berazam untuk menewaskan catatan masa Kamarul.
- (e) Seorang yang bersemangat dan bersungguh-sungguh.
- (f) Seorang yang berdisiplin.
- (g) Seorang yang amanah – Buktinya, dia menyampaikan pesanan Encik Kadir kepada Kamarul.

### **Juriah**

- (a) Juriah ialah kawan baik Saridah.
- (b) Berusia 17 tahun.
- (c) Sentiasa membantu Saridah dalam susah dan senang.
- (d) Seorang yang selalu bergurau.

### **Encik Kadir**

- (a) Encik Kadir ialah jurulatih untuk atlet olahraga kontinen Malaysia.
- (b) Seorang yang tegas.
- (c) Penyabar.
- (d) Seorang yang tidak berputus asa dan mengambil berat akan atlet-atletnya.
- (e) Seorang yang bertimbang rasa.

## **De Wega**

- (a) De Wega ialah pelari pecut Filipina yang diminati Kamarul.
- (b) Berusia 34 tahun.
- (c) Seorang yang peramah dan rendah diri.
- (d) Seorang buruh kereta api sebelum menjadi pelari pecut.
- (e) Seorang yang berdisiplin.
- (f) Seorang yang bersungguh-sungguh dan tidak mudah berputus asa.
- (g) Pemurah dalam memberi nasihat

## **PERSOALAN**

1. Hubungan dua jiwa remaja yang ada pasang surut
  - contohnya Kamarul berkawan rapat dengan rakan sekolahnya, Saridah dan Saridah pula amat menyayanginya, namun sikap Kamarul yang angkuh setelah terkenal menyebabkan hubungan mereka menjadi dingin.
2. Komitmen jurulatih untuk memastikan pelatih yang dibimbing menjadi juara
  - contohnya Encik Kadir berterusan melatih Kumar, Sures, dan Rajip untuk memastikan mereka meraih kejuaraan dalam Sukan SEA di Bangkok. Encik Kadir juga melatih Kamarul dengan sabar sehingga Kamarul meraih pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter walaupun pada peringkat awal Kamarul tidak berdisiplin, angkuh, dan suka berlatih sendiri.
3. Kekurangan kasih sayang menyebabkan anak bersikap dingin terhadap keluarga sendiri
  - contohnya Saridah kurang mendapat perhatian daripada keluarganya; emaknya sibuk dengan persatuan wanita, ayahnya sibuk dengan hal kerja di pejabat, dan kakaknya lebih mengutamakan tunangnya, menyebabkan Saridah lebih selesa menghabiskan masa bersama-sama Juriah dan mengharapkan perhatian daripada Kamarul.
4. Disiplin penentu kejayaan
  - contohnya Encik Kadir dan atlet Filipina, De Wega menasihati Kamarul tentang pentingnya disiplin jika ingin menjadi atlet yang berjaya.

## **LATAR TEMPAT**

1. Pusat Sukan Kampung Pandan
  - Kompleks tersebut merupakan tempat Kamarul dan rakan-rakannya seperti Sures berlatih di bawah kendalian Encik Kadir sehinggalah berjaya membentuk Kamarul menjadi atlet yang berjaya dan meraih kejuaraan dalam Sukan SEA di Bangkok.
2. Stadium Nasional, Bangkok
  - Tempat berlangsungnya Sukan SEA yang ke-14 dan di tempat itulah Kamarul berjaya meraih pingat emas menerusi acara 100 meter dan 400 meter.
3. Hospital
  - tempat Kamarul menerima rawatan selama empat hari, gara-gara dilanggar kenderaan.
4. Stadium Merdeka

- tempat Kamarul dan Saridah menyertai Sukan MSSM. Di sitalah jugalah mereka saling mengenali seterusnya hubungan tersebut berpanjangan sehingga timbul perasaan sayang di jiwa Saridah terhadap lelaki itu.

## 5. Kantin sekolah

- tempat Saridah dan Juriah bersempang tentang hubungannya dengan Kamarul yang renggang dan Juriah pula menasihati Saridah agar melupakan Kamarul sebaliknya memberi fokus terhadap SPM.

## LATAR MASYARAKAT

1. Masyarakat yang sompong dan angkuh apabila mendapat kejayaan dan populariti.
2. Masyarakat yang berdisiplin.
3. Masyarakat yang tidak menepati janji dan masa.
4. Masyarakat yang lemah kerana cinta.
5. Masyarakat yang gigih berusaha.
6. Masyarakat atlet yang gigih menjalani latihan.
7. Masyarakat pelajar.
8. Masyarakat yang bertanggungjawab.

## NILAI MURNI

### 1. Kesyukuran

- contohnya Kamarul melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT apabila memperoleh pingat emas dan memecahkan rekod baharu dalam acara 100 meter di Sukan SEA.

### 2. Patriotisme

- contohnya Kamarul menganggap kemenangannya memperoleh pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter di Sukan SEA bukan sahaja untuk dirinya tetapi untuk negara.

### 3. Kasih sayang

- contohnya Mak Jah mengambil berat kesihatan dan keselamatan anaknya Kamarul yang dibuktikan dengan menjaga anaknya di hospital selama empat hari gara-gara dilanggar kenderaan.

### 4. Baik hati

- contohnya Kamarul memberi cenderamata kepada atlet Filipina, De Wega yang banyak memberi nasihat dan dorongan sehari sebelum pertandingan dijalankan sehingga dia meraih pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter.

### 5. Keberanian

- contohnya Kamarul berani menghadapi cabaran walaupun pada peringkat awal dia tidak yakin dapat menggondol pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter kerana menyedari tahap kecergasannya yang belum pulih. Namun sebagai jurulatih, Encik Kadir tetap yakin Kamarul mampu menggondol pingat tersebut dan akhirnya keyakinan Encik Kadir menjadi kenyataan.

## PENGAJARAN

1. Kita hendaklah melahirkan rasa syukur jika memperoleh sesuatu kejayaan atau anugerah
  - contohnya Kamarul melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT apabila memperoleh pingat emas dan memecah rekod baharu dalam acara 100 meter di Sukan SEA.
2. Kita perlu mempunyai semangat patriotism
  - contohnya Kamarul menganggap kemenangannya memperoleh pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter di Sukan SEA bukan sahaja untuk dirinya tetapi untuk negara.
3. Kita sewajarnya mempunyai perasaan kasih sayang
  - contohnya Mak Jah mengambil berat kesihatan dan keselamatan anaknya Kamarul yang dibuktikan dengan menjaga anaknya di hospital selamat empat hari gara-gara dilanggar kenderaan.
4. Kita sepatutnya menghargai jasa
  - contohnya Kamarul memberi cenderamata kepada atlet Filipina, De Wega yang banyak memberi nasihat dan dorongan sehari sebelum pertandingan dijalankan sehingga dia meraih pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter.
5. Kita seharusnya mempunyai keberanian menghadapi cabaran
  - contohnya Kamarul berani menghadapi cabaran walaupun pada peringkat awal dia tidak yakin dapat menggondol pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter kerana menyedari tahap kecergasannya yang belum pulih. Namun sebagai jurulatih, Encik Kadir tetap yakin Kamarul mampu menggondol pingat tersebut dan akhirnya keyakinan Encik Kadir menjadi kenyataan.

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY